



Buletin Perpustakaan Tengku Anis

uaran (Jan–Dis 2009)

<http://library.uitm.edu.my/kelantan>



PENCAPAIAN CEMERLANG

Laman Web



**JUARA LAMAN WEB
PERINGKAT NEGERI
KATEGORI IPTA/IPTS
PADA 9 OGOS 2009**

ISO 9001:2008



ISO 9001: 2008 No Sijil : 500212

AUDIT BERSIH

**AUDIT SURVEILLANCE 1
OLEH EN. ROMLI DAUD,
WAKIL LLYODS
PADA 12 OKTOBER 2009**

Jabatan Terbaik



**MAJLIS ANUGERAH
KECEMERLANGAN
STAF UITM KELANTAN
PADA 13 DISEMBER 2009**



STAF PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS BERGAMBAR BERSAMA PENGARAH KAMPUS SEMPENA MAJLIS ANUGERAH JABATAN TERBAIK UITM KELANTAN 2009

Kawalaikuasa
Penerbitan

BULETIN PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS 2009

PENAUNG

Y.Bhg Dato' Prof. Dr Hussin @
Mohamad Abdul Rahman

KETUA PENGARANG

Wan Mahezan Hj. Wan Othman

PENGARANG

Nordelina Zulkarnain

REKA LETAK & GRAFIK

Mohd Hazrie Mat Nawi

PELUKIS

Che Hasnan Che Idris

EDARAN

Mazlan Hj. Isa
Hamizur Hussin

PERCETAKAN

Mustazim Mustapa
Mohammad Aziz Awang

URUSETIA

Aida Mustapha
Tuan Azizah Tuan Yusof

FOTOGRAFI

Maha Yudden Mahmood
Mohd Hilme Abd Rahman

JILID

Fauzi Yaacob
Suhaimi Md Zain

Che Loh S.



Kejayaan Perpustakaan Tengku Anis merangkul **Anugerah Jabatan Terbaik Keseluruhan** selama dua tahun berturut-turut memacu motivasi seluruh warga kakitangan PTA untuk lebih berusaha keras dalam menyampaikan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pengguna."



Wan Mahezan Binti Haji Wan Othman Timbalan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum dan salam sejahtera buat semua yang sedang menatap INFO, Buletin rasmi Perpustakaan UiTM Kelantan.

Tahun 2009 baru sahaja berlabuh meninggalkan kita. Berkat hasil usaha, Doa dan kerjasama sebagai satu pasukan kejayaan demi kejayaan diraih sepanjang tahun 2009. Kejayaan Perpustakaan Tengku Anis merangkul **Anugerah Jabatan Terbaik Keseluruhan** selama dua tahun berturut-turut memacu motivasi seluruh warga kakitangan PTA untuk lebih berusaha keras dalam menyampaikan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pengguna. Syabas dan sekalung tahniah kepada semua yang terlibat. Dalam memastikan perkhidmatan di tahap terbaik, amalan budaya kualiti sentiasa di terapkan didalam operasi kerja seharian. Syukur Alhamdulillah, Perpustakaan Tengku Anis telah berjaya mendapat Persijilan Audit Bersih sempena lawatan audit SV1 oleh Encik Romli bin Daud, wakil Llyods baru-baru ini. Sekalung penghargaan kepada semua kakitangan yang telah berkorban masa dan tenaga dalam membuat persediaan sempena penilaian audit Surveillance 1 untuk **Persijilan ISO 9001:2008**. Kewujudan laman web perpustakaan telah banyak membantu PTA untuk lebih dekat dihati pengguna. Melalui laman web ini, Pengguna bukan sahaja dapat mengetahui mengenai aktiviti an program yang dijalankan tetapi juga mendapat maklumat mengenai koleksi, kemudahan, perkhidmatan dan juga mencari bahan melalui WEBOPAC & WEBINFOLINE. Informasi terkini dan paparan kandungan yang menarik bukan sahaja menarik minat pengguna untuk mengunjung tetapi telah memikat hati juri sehingga dipilih sebagai **Juara Laman Web IPTA/IPTS peringkat negeri Kelantan 2009** anjuran Pejabat SUK Negeri Kelantan. Sememangnya kejayaan yang diraih pada tahun 2009 meningkatkan azam kita semua untuk lebih berusaha agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan memenuhi kehendak pengguna. Insyaa-Allah tahun 2010, warga perpustakaan akan lebih komited, berdaya saing dan proaktif dalam memenuhi kehendak pengguna yang semakin kompleks dan semoga kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan digunakan semaksima mungkin untuk menyokong pembelajaran dan pengajaran serta meningkatkan tahap keilmuan dengan menjadikan budaya membaca amalan gaya hidup semua.

Wan Mahezan

AUDIT SURVEILLANCE 1 ISO 9001:2008

AUDIT SV 1 ISO 9001:2008



Pada 12 / 10 / 2009 pihak perpustakaan menerima kedatangan Encik Romli Daud wakil Llyods bagi melakukan audit surveilance 1 ISO 9001:2008 bagi Kampus pertama cawangan .Majlis ini juga dihadiri wakil pengurusan PTAR di ketuai oleh Ketua Pustakawan iaitu Encik Haron Wee Ah Boo . Alhamdulillah , pihak perpustakaan telah mendapat **AUDIT BERSIH** pada penilaian audit yang dilakukan. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja PTA.

KARNIVAL SAINS & TEKNOLOGI NEGERI KELANTAN

JOHAN LAMAN WEB KATEGORI IPTA / IPTS PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2009

Tarikh : Ogos 2009
 Program : Karnival Sains dan Teknologi
 Pencapaian : Johan Kategori Laman Web Peringkat IPTA / IPTS peringkat negeri Kelantan anjuran pejabat SUK Negeri Kelantan

Syabas dan tahniah kepada seluruh tenaga kerja perpustakaan Tengku Anis amnya dan staf Unit Sistem dan Teknologi Maklumat khususnya En. Sukri Mamat dan En. Hazrie Mat Nawi kerana telah berjaya membangunkan laman web Perpustakaan Tengku Anis yang mesra pengguna dan informatif sehingga dipilih sebagai **Johan Laman Web Kategori IPTA / IPTS peringkat negeri Kelantan** anjuran pejabat SUK Negeri Kelantan.



1 KEBANGGAAN PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS

BIL	NAMA	PENCAPAIAN
1.	Pn. Aida Mustapha	Anugerah Khidmat Cemerlang 2009
2.	En. Hamizur Husin	Anugerah Khidmat Cemerlang 2009
3.	Perpustakaan Tengku Anis	Anugerah Pengurusan 5S Terbaik 2009
4.	Perpustakaan Tengku Anis	Anugerah Amalan Pengurusan Terbaik 2009
5.	En. Che Hasnan Che Idris	Anugerah Staf Contoh (Sokongan)
6.	Pn. Wan Mahezan Hj Wan Othman	Anugerah Staf Contoh (Pengurusan & Profesional)
7.	En. Mohd Hazrie Mat Nawi	Anugerah Kreativiti
8.	En. Shukri Mamat	Anugerah Kreativiti
9.	Pn. Wan Mahezan Hj Wan Othman	Anugerah Pencapaian Pengurusan Q Terbaik (Individu)
10.	En. Shuhaimi Mat Zain En. Ridzuan Ramli En. Hariri Hasbullah	Juara Pertandingan Treasure Hunt (Kumpulan)
11.	Perpustakaan Tengku Anis	ANUGERAH JABATAN TERBAIK UITM KELANTAN 2009
12.	Perpustakaan Tengku Anis	Pengurusan Stor Terbaik UiTM Kelantan

Permata Hati...



NAMA : Muhammad Luqman Nur Hakim
Bin Mohd Shahril
STAF : Pn. Nordelina Binti Zukarnain



NAMA : Muhammad Khalis Ahlami
Bin Muhamad Nazari
STAF : En. Muhamad Nazari Bin
Muhamad Nor



NAMA : Ameenatul Wafa Binti Muslim
STAF : En. Muslim Bin Ismail@ahmad



NAMA : Wan Muhammad Syafiq
Bin Wan Rohadi
STAF : En. Wan Rohadi Bin Wan Hamat

SELAMAT PENGANTIN BARU



**MOHD SUKBI BIN MAMAT
NUR SYUHADA BINTI YUSOFF
02 DISEMBER 2009**



**CHE HASNAN BIN CHE IDRIS
ASILAH BINTI MUSTAPAR
12 DISEMBER 2009**



Hari Keluarga
PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS

8 JAN 2009



Disediakan oleh: Pn Nordelina Zulkarnain

Enterprise Knowledge Management System atau EKMS merupakan sistem penyampaian perkhidmatan atas talian yang terkini dan komprehensif yang disediakan oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) kepada para pelanggan PTAR dan Perpustakaan UiTM seluruh negara.

EKMS ini diwujudkan sebagai technology enabler dan pemangkin kepada sistem pengurusan maklumat (Information Management System) yang telah digunapakai dan dilaksanakan di PTAR menerusi sistem pengurusan perpustakaan dikenali sebagai ILMU Univerision (Intergrated Library Management Utilities) dan modul-modul e-Komponen seperti eQUIP (Electronic Query Using Internet Protokol).

LANGKAH 1



- Layari laman web : <http://www.library.uitm.edu.my>
Atau
<http://ekms.ptar.uitm.edu.my>
- Klik pada 'knowledge Management Portal (EKMS)'



LANGKAH 2




Sumber: <http://ekms.ptar.uitm.edu.my>

- User Login :
 Staf - Login ID = No. Staf (00xxxxxxx)
 Password = No. Staf (00xxxxxxx)
 Pelajar - Login ID = No. Pelajar
 Password = No. Pelajar (tanpa masukkan 2 digit terakhir)


LANGKAH 3



- What's new
 - Announcement
 - Laters Articles
 - Laters Dissertation
 - Laters External Database
 - Laters Journal
 - Laters Book.



LANGKAH 4




- Internal resources
Klik pada link dan muka baru akan dipaparkan
- Services
Klik pada link dan muka baru akan dipaparkan
- News & Event
Pilih "select kategori"

LANGKAH 5





My EKMS
Klik pada link dan muka baru akan dipaparkan



SANA SINI





Tahukah anda.

Disediakan oleh: En. Mahayuden

PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN (PAP)

Pinjaman antara perpustakaan merupakan satu perkhidmatan pinjaman/salinan bahan dari mana-mana institusi yang menyertai sistem ini. Bahan yang dipohon mestilah tidak terdapat di Perpustakaan UiTM Kelantan. Permohonan hanyalah untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran sahaja.

Status	Jumlah Buku (Maksimum)	Jumlah Artikel (Maksimum)
Pelajar	3	3
Kakitangan	3	3

Caj dan Bayaran (Bahan Fotostat)

1. Kadar bayaran ditetapkan oleh Perpustakaan Pembekal
2. Pemohon perlu menjelaskan bayaran (caj bahan, caj perkhidmatan dan bayaran pos) pada masa bahan diambil.

PETUA ORANG KAMPUNG

Kecantikan Rambut

• Daun lidah buaya digunakan bersama daun bunga raya putih untuk dijadikan resipi bagi mengurangkan rambut gugur. Kalau tak ada daun lidah buaya, gunalah daun bunga raya putih sahaja. Itupun sudah memadai. Lagi satu petua, gunakan lendir daun rambutan untuk lebatkan rambut.



Hilangkan Darah Tinggi

ambillah daun kacang kira-kira seikat. Bersihkan dan tumbuk dengan sedikit garam. Perah ambil airnya, bubuh dalam mangkuk dan embunkan. Minumlah pagi-pagi sebelum makan apa-apa. Insya-Allah sembuh.

Hilangkan Bau Mulut

Tumbuk lumat 10 kuntum bunga cengkih dan 3 ulas bawang putih. Kemudian gosokkan pada gigi dan berkumur hingga berah. Lakukan 3 kali sehari.

Lembutkan Isi Ayam Kampung

Unkuk menikmati masakan ayam kampung yang enak selokwayarebus terlebih dahulu isi ayam tersebut dengan sedikit cuka sehingga menjadi lembut kemudian toskan.



Sumber: Petua kecantikan daripada Dato' Sarimah Ahmad luar dan dalam / Dato' Sarimah Ahmad / rujQT275.S24.2005
<http://Petuamelayu.com>
 Majalah Keluarga / Oktober 2009/178p./Y:BR

Disediakan oleh: Pn Rosmariyati Ab.Rahman

Judul Majalah : Dewan Kosmik
 Pengarang : Mohd Nasir Mat Nor
 Call Number : 0000014142
 Lokasi : Unit Perkhidmatan Maklumat
 ISSN : 0128-6579
 Muka Surat : 41
 Bulan / Tahun : November 2009
 Penerbit : Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur



Pokoknya besar serta rendang dan boleh mencapai ketinggian sehingga 21 meter. Pokok ini senang didapati di kebanyakan negara Asia tenggara seperti Thailand, Indonesia, dan Malaysia. Bijinya berdiameter 5-6 sentimeter dan sering menjadi santapan sebagai ulam sejak dahulu kerana mempunyai khasiatnya tersendiri. Pokok yang dimaksudkan ialah pokok jering dengan nama saintifiknya, *Pithecellobium jirijnga* (jack) Prain berasal daripada famili *fabaceae*, iaitu seangkatan dengan petai, turi dan kacang botor. Pada zaman dahulu, jering atau jengkol amat berguna kepada industri batik dan sutera tempatan. Hal ini demikian kerana ia merupakan sumber pewarna ungu semula jadi bagi mewarnakan kain. Namun sekarang ia telah digantikan dengan pewarna tiruan bagi menghasilkan warna ungu.

Selain itu, daun jering yang telah tua amat berguna bagi merawat penyakit kulit dengan cara menumbuk lumut lalu dilumurkan ditempat berpenyakit tersebut. Disamping itu, biji jering dimakan mentah sebagai ulam dan air rebusan jering juga dipercayai mujarat bagi merawat tekanan darah tinggi dan kencing manis. Namun, jika diambil berlebihan boleh mengakibatkan kesukaran membuang air kecil.

Ekstrak jering menghasilkan banyak sebatian kimia yang sesetengahnya telah dibuat kajian dan telah terbukti secara tradisional dan saintifik keberkesannya mencegah pelbagai penyakit. Menurut hasil kajian Lee dan pasukan penyelidikannya pada tahun 1999 yang diterbitkan dalam *Jurnal Fitokimia*, Kandungan sebatian utamanya ialah Flavan-3-ol-galat, galokatekin dan galokatekin 3.

Dalam kajian antioksidan yang dilakukan oleh Virmala dan pasukan penyelidikannya pada tahun 1999 yang bertajuk "Aktiviti Antioksidan dalam tumbuhan perubatan dan produk terpilih" mendapati ekstrak metanol jering menunjukkan aktiviti antioksidan yang tinggi berbanding dengan ekstrak etanol dengan menggunakan kaedah penyingkiran super oksida.

Kajian ini membuktikan bahawa jering mempunyai nilai dalam aktiviti antioksidan dan ekstraknya berupaya dikomersialkan dan mampu bersaing dengan antioksidan sintetik yang mungkin mempunyai kesan sampingan tersendiri. Selain itu, ekstrak metanol menunjukkan aktiviti yang tinggi dalam melawan sel kanser daripada terus merebak.



ETIKA PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN

Etika penggunaan laptop dalam perpustakaan

Disediakan oleh : Unit Sistem & Teknologi Maklumat

- 1. Membawa masuk laptop dan meninggalkan bag di kaunter utama.
- 2. Pelajar perlu mendaftarkan diri di kaunter utama.
- 3. Menggunakan laptop dengan kuasa bateri sahaja kecuali ditempat yang dibenarkan menggunakan kabel kuasa.
- 4. Tidak dibenarkan membuat sambungan kuasa pada mana-mana laptop supaya tidak mengganggu pengguna yang lain.
- 5. Mengakses internet melalui perkhidmatan Wifi yang telah disediakan.
- 6. Menyahaktifkan audio laptop.
- 7. Menggunakan fon kepala jika ingin mendengar audio.
- 8. Tidak mengakses kandungan yang berunsurkan lucah, ganas, keterlaluan dan menyalahi undang-undang universiti.
- 9. Menjaga tingkahlaku semasa menggunakan laptop di dalam perpustakaan.
- 10. Mengemas semula perkakasan laptop dan meja selepas digunakan.
- 11. Pihak perpustakaan tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang kerosakan dan kehilangan laptop di dalam Perpustakaan Tengku Anis.


Disediakan Oleh : Pn. Nordelina Zulkarnain



Nama "Kelantan" dikatakan pencemaran daripada perkataan "gelam hutam", iaitu nama Melayu bagi pokok Melaleuca leucadendron. Ada juga yang mengatakan bahawa namanya datang daripada perkataan "kilatan" atau "kolam tanah". Selain itu Negeri Kelantan juga dikenali dengan nama Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang dan serambi mekah pada masa dahulu.



Pada 1800, Raja Muhammad mengisytiharkan diri sebagai sultan pertama Kelantan. Pada 1812, baginda melepaskan diri daripada pengaruh Terengganu dan menjadi negara ufti Siam yang berasingan. Pada 1820-an, Kelantan merupakan salah satu daripada negeri yang terbanyak penduduk serta termakmur di Semenanjung Tanah Melayu kerana berjaya mengelakkan perang dan pertikaian yang menimpa negeri-negeri di selatan dan barat. Siam terus memainkan peranan yang mustahak di Kelantan pada seluruh abad ke-19. Di bawah syarat Perjanjian British-Siam pada 1909, Siam menyerahkan tuntutan Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada Britain, dan Kelantan menjadi salah satu daripada Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di bawah Residen British.




R.H. The Raja of Kelantan with his State Council. 1900 A.D.

Kelantan merupakan tempat pertama di Malaya yang ditakluk oleh Jepun yang menyerangnya pada 8 Disember 1941. Semasa pendudukan Jepun, Kelantan sekali lagi dikawal oleh Siam, tetapi selepas kekalahan Jepun pada Ogos 1945, Kelantan kembali kepada pemerintahan British. Kelantan menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 dan bersama-sama dengan negeri lain, mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada 16 September 1963, Kelantan menjadi salah satu daripada negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia.



Istana Lama kini ia telah dijadikan sebagai Muzium oleh Kerajaan Negeri

Istana Jahar



Istana Batu



Tempat untuk menyambut perayaan seperti perayaan perkahwinan diraja



Terletak berhampiran dengan Istana Balai Besar

Kg. Kraftangan

Galeri Tengku Anis



Galeri ini terletak di dalam kawasan Pengkalan Kubur

MAKANAN TRADISIONAL



AKOK



AYAM PERCIK



BUDU



LAKSAM



NASI KERABU



TAHI ITIK

Januari 2009

Lawatan Tan Sri Dato' Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM ke bangunan baru Kampus Kota serta lawatan ringkas ke Perpustakaan.

Permohonan Pengkalan Data Thomson Reuters Datastream dimajukan ke PTAR Shah Alam.

Februari 2009

Bengkel Pengenalan Perkhidmatan eBrowse diadakan di ruang Astro Perpustakaan.

Mac 2009

Kunjungan ke Perpustakaan UiTM Dungun bagi tujuan mempelajari tentang Pengkalan Data Thomson Reuters Datastream.

Jun 2009

Kursus Microsoft Office anjuran USMT Kampus Kota disertai oleh semua staf Perpustakaan pada 2 dan 3 Jun.

Menerima kunjungan wakil NSTP eMedia bagi mempromosikan produk eMedia pada 8 Jun.

Bengkel Pengurusan Fail dan Modul ILMU dianjurkan secara bersama dengan staf Perpustakaan Tengku Anis induk pada 18 Jun. Modul Pengurusan Fail disampaikan oleh pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat, En Mohd Idzwan Mohd Salleh.

Julai 2009

Bengkel Penggunaan Datastream diadakan pada 9 Julai, disampaikan oleh wakil Thomson Reuters, En Siva.

Ogos 2009

Perpustakaan dilantik sebagai AJK Hebahan dan Publisiti bagi City Campus Festival yang diadakan pada 6 - 9 Ogos.

Oktober 2009

Wan Rohadi dikurniakan anak lelaki pada 8 Oktober.

Bengkel Datastream disampaikan oleh pensyarah Kampus Kota, En Mohd Khairu Amin Ismail.

November 2009

Ameentul Wafa, puteri sulung Pustakawan En Muslim selamat dilahirkan pada 1 November.

Disember 2009

Lawatan Penandarasan rombongan semua unit Kampus Kota ke USM Pulau Pinang dan UUM, Sintok Kedah.

Disediakan oleh : Pn. Rosmariyati Ab. Rahman

Kita semua sama, sampaikanlah...

Umat Islam mendapat kemenangan yang besar dalam Perang Badar, dengan membawa 70 orang tawanan. Tawanan ini terdiri daripada mereka yang berpengaruh termasuk adik kandung dan bapa saudara Saidina Ali sendiri. Seorang mereka terpaksa membuat keputusan apakah yang perlu dilakukan ke atas tawanan itu.

Umar Al-Khattab memberikan satu saranan yang tegas iaitu pancung sahaja kepala mereka. Selepas itu, ada cadangan yang kedua yang menyuruh supaya Nabi Muhammad menerima sahaja wang tebusan bagi mereka yang berkemampuan. Bagi mereka yang tidak mampu, maka mereka mesti mengajar kanak-kanak Islam membaca dan menulis sehingga mereka menguasai kedua-dua kemahiran itu.

Nabi Muhammad menghargai kedua-dua idea itu, tetapi membuat keputusan menerima idea yang kedua. Wang tebusan yang diterima melebihi angka 40000 dirham pada ketika itu. Tidak lama selepas itu, turun ayat 67 dan 68 bab Al-Anfal yang menegur keputusan Nabi itu.

"Tidak patut bagi seorang Nabi mempunyai tawanan sebelum dia dapat melumpuhkan musuhnya dimuka bumi. Kamu mengkehendaki harta dunia sedangkan Allah mengkehendaki akhirat untukmu..."


Apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad? Adakah dia diam dan sembunyikan teguran itu?? Tidak sama sekali!... sebagai pemimpin yang terunggul, beliau tidak pernah malu menyatakan kebenaran. Beliau menyampaikan ayat itu kepada sahabat-sahabatnya dan menerangkan isi kandungan ayat tersebut. Mungkin keputusannya tidak tepat, tetapi beliau telah memberikan contoh teladan yang sangat penting untuk umat sejagat bahawa kita semua adalah sama, sampaikanlah....

Sumber : 55 petua kerja berpasukan. / Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah / HD 66.M64 2006


Disediakan oleh: Pn Alina Hussin

KOLEKSI BUKU TERKINI

Judul : Librarianship : an introduction
Pengarang : G.G. Chowdhury
Call number : Z 665.L56 2008
Lokasi : Rak terbuka
ISBN : 978-1-85604-617-6
Bidang perkara : Complete overview of all aspects of professional librarianship in 21st century.



Judul : Mental Health, Social Mirror
Pengarang : William R. Avison...(at.al)
Call number : RA 790.5.M47 2008
Lokasi : Rak terbuka
ISBN : 978-0-387-75699-8
Bidang perkara : The research on mental health as peripheral to the real work of the discipline.



Judul : Essential Study Skill
Pengarang : Linda Wong
Call number : LB 1049.W62 2009
Lokasi : Rak terbuka
ISBN : 978-0-547-04871-0
Bidang perkara : Empowers student with versatile, practical and powerful strategies to use.

